

# Manusia kufur, lupa nikmat berdepan kemusnahan

## Realisasikan rasa syukur dengan berzikir, mengerjakan suruhan dan menjauhi larangan

**Nik Salida Shuhaila**

salidasuhaila99@yahoo.com



**W**ALAPUN sukar untuk bersyukur, tiada manusia yang akan menolak nikmat anugerah Allah SWT. Nikmat kesihatan, masa lapang serta seluruh pancaindera yang berfungsi adalah anugerah tidak ternilai dan terbayar dengan wang.

Tanyalah kepada sesiapa pun yang sibuk, apa yang mereka mahu selain masa lapang? Tanyalah juga pada yang buta, apa yang mereka mahu selain melihat? Tentulah setiap keinginan manusia bersebab, begitulah juga dengan pemberian Allah.

Jika Dia belum berkehendakkan kita mengecapinya, pasti ada alasan yang tidak mampu kita fahami, melainkan kita harus juga bersyukur seadanya kerana perancangan-Nya adalah yang terbaik, yang hikmahnya kita sedari selepas segalanya Dia suratkan.

Waktu itulah kita mengerti betapa Allah SWT menyayangi hamba-Nya yang dipilih merasa dunia, diberi kenikmatan sebegitu rupa hingga kadangkala ada yang lalai dan tamak haloba, lupa untuk menadah syukur, malah mencabar pula kekuasaan-Nya.

Syukur ialah tanda berterima kasih kepada Allah SWT di atas kurniaan-Nya kepada hamba-Nya, sebab itulah tiada orang yang bersyukur kepada orang lain, melainkan kepada Allah SWT saja. Antara sesama manusia, kita sekadar mengucapkan terima kasih sebagai tanda penghargaan kerana tiada manusia yang mampu memberi nikmat dan kebaikan kepada manusia yang lain melainkan sebagai penyampai saja.



GAMBAR HIASAN

**BENCANA** alam sebagai peringatan kepada ummah kembali mengingati kebesaran Tuhan.

Syukur juga sebagai pujian dan ingatan, dan ia direalisasikan dengan mengerjakan suruhan dan menjauhi larangan Allah SWT. Melalui hati, kita bersyukur dengan mengakui dan meyakini sepenuhnya bahawa segala nikmat yang diperoleh dan dikecapi adalah dari Allah SWT semata-mata, bukan kerana nasib yang baik atau di atas sebarang kebetulan.

Sesungguhnya nikmat Allah SWT tidak terhitung walaupun manusia sering lupa bersyukur. Limpahan rahmat dan kesenangan hidup yang dikecapi hari ini adalah kerana kasih sayang-Nya kepada setiap hamba dan makhluk yang dicipta, bahkan selagi ada hamba-Nya yang menyebut nama-Nya, selagi itulah kita akan terus mengecapi nikmat yang ada pada hari ini.

Justeru, mujur dalam era kemerosotan akhlak yang melanda seiring kelemahan ekonomi dunia hari ini, umat Islam di negara ini masih terus berzikir menyebut nama-Nya. Allah SWT berfirman dalam Surah An-Nahl,

ayat 18 yang bermaksud: *"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah yang dilimpahkan kepada kamu, tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."*

Sungguhpun begitu, jika ditakdirkan suatu hari nanti tiada lagi orang yang bersyukur, pastilah akan ada balasannya terhadap seluruh umat manusia, kerana Al-Quran telah memberi peringatan seperti yang pernah berlaku kepada umat terdahulu.

Antaranya ialah kisah Qabilah Saba', seperti yang dirakamkan Allah SWT dalam Surah Saba', ayat 19 yang mafhumnya: *"Maka kemakmuran dan kemudahan itu menjadikan mereka sombong dan kufur lalu berkata: Wahai Tuhan kami, jauhkan jarak perjalanan kami di antara sebuah bandar dengan yang lain, dan mereka berlaku zalim kepada diri mereka sendiri, lalu Kami jadikan mereka buah mulut orang ramai, serta Kami pecah-belahkan mereka berkecai. Sesungguhnya kisah mereka itu mengandungi tanda*

*yang besar pengajarannya bagi setiap mukmin yang sentiasa bersikap sabar lagi sentiasa bersyukur."*

Di dalam Surah An-Nahl juga Allah SWT merakamkan bagaimana kisah orang yang kufur terhadap nikmat yang diberikan dengan menurunkan balasan tidak bertanggung oleh mereka, dalam ayat 112 bermaksud: *"Dan berhubung dengan hal kaum yang kufur ingkar, Allah memberikan satu misal: Sebuah negeri yang aman damai dan tenteram yang didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur akan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang mereka telah lakukan."*

Bencana yang diturunkan Allah SWT adalah peringatan terhadap perbuatan sombong dan sikap manusia yang tidak taat kepada perintah Allah SWT serta lupa akan kebesaran-Nya yang berkuasa ke atas semua penghuni langit dan bumi.

Ia juga menjadi iktibar terhadap orang yang berfikir, bahawa segala kekuasaan dan kekayaan yang dikecapi di dunia ini adalah sementara sifatnya dan bila-bila masa saja boleh diambil kembali oleh pemiliknya jika nikmat yang diperoleh tidak dipergunakan sebaik-baiknya.

Allah SWT berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7 yang bermaksud: *"Dan ingatlah iatkala Tuhan kamu memberitahu, demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras."*

Kita dapat melihat realiti kehidupan umat Islam yang diberikan segala kemewahan dan sumber kekayaan oleh Allah SWT untuk dikecapi dengan sebaik-baiknya bahkan memudahkan urusan ibadat dan muamalat kerana kesenangan hidup memungkinkan umat Islam menjalankan tanggungjawab sebagai hamba dengan lebih baik.

Sesungguhnya segala bala bencana yang diturunkan di bumi adalah disebabkan perbuatan manusia sendiri yang tidak tahu diuntung apabila dibuai kesenangan. Maksiat, pembohongan, menolak hukum agama, kezaliman dan fitnah yang dilempar ke atas umat Islam untuk menghancurkan umat Islam yang lainnya adalah antara malapetaka yang berlaku ke atas umat Muhammad pada akhir zaman ini.

Dalam Surah Ar-Rum, ayat 41, Allah berfirman yang bermaksud: *"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang dilakukan tangan manusia. Timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka lakukan, supaya mereka kembali insaf dan bertaubat."*